

# PANDUAN SEMBAHYANG MUSAFIR



Dicetak dan diterbitkan oleh JAKIM

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

28-09-26 07:09:39

# PANDUAN SEMBAHYANG MUSAFIR

Oleh : Abdul Kadir Salleh

جايٲن كمالوان اسلام ماليسيا  
JĀBĀTAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Dicetak daripada e-SIRA1 JAKIM

Penerbit :  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
www.islam.gov.my

Cetakan Pertama 1998  
Cetakan Kedua 2005  
Cetakan Ketiga 2009  
Cetakan Keempat 2013

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
Bahagian Dasar Kemajuan Islam  
Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
MALAYSIA

Dicetak oleh :  
FIRDAUS PRESS SDN. BHD.  
No. 28, Jalan PBS 14/4,  
Taman Perindustrian Bukit Serdang,  
43300 Seri Kembangan Selangor


## KANDUNGAN

## MUKASURAT

|                                                |    |
|------------------------------------------------|----|
| <b>PENDAHULUAN</b>                             | 1  |
| Kemudahan Bagi Orang-orang yang Bermusafir     | 2  |
| <b>SEMBAHYANG QASAR</b>                        | 7  |
| Pendapat Ulama' Mengenai Qasar                 | 8  |
| Syarat-syarat Sembahyang Qasar                 | 9  |
| Tempat Bermula dan Berakhirnya Perjalanan      | 14 |
| Cara Mengerjakan Sembahyang Qasar              | 16 |
| <b>SEMBAHYANG JAMAK</b>                        | 17 |
| Jamak Taqdim                                   | 17 |
| Syarat-syarat Jamak Taqdim                     | 17 |
| Cara-cara Mengerjakan Sembahyang Jamak Taqdim  | 19 |
| Jamak Ta'khir                                  | 20 |
| Syarat-syarat Jamak Ta'khir                    | 20 |
| Amalan Rasulullah SAW                          | 21 |
| Cara-cara Mengerjakan Sembahyang Jamak Ta'khir | 22 |
| Panduan Doa Untuk Orang Musafir                | 23 |
| Adab Peraturan Sebelum Keluar Musafir          | 25 |
| <b>PENUTUP</b>                                 | 26 |

# **PANDUAN SEMBAHYANG MUSAFIR**

## **PENDAHULUAN**



Perjalanan merupakan sebahagian daripada kegiatan hidup manusia. Islam mengharuskan umatnya bermusafir dari satu tempat ke suatu tempat untuk memenuhi kehendak hidup seperti mencari rezeki yang halal, menuntut ilmu pengetahuan, menziarahi keluarga, sahabat handai dan tujuan-tujuan lain yang diharuskan oleh syarak.

## KEMUDAHAN BAGI ORANG-ORANG YANG BERMUSAFIR

Semasa bermusafir seseorang itu akan menempuh pelbagai kesulitan dan kesengsaraan. Oleh sebab itulah Islam memberi beberapa kemudahan kepada mereka yang berada di dalam perjalanan. Antara lain ialah kemudahan-kemudahan yang diberi dalam melaksanakan ibadat sembahyang. Orang Islam yang musafir (yang cukup syarat seperti yang akan dijelaskan) dikurniakan Allah SWT kemudahan (rukhsah) mengerjakan sembahyang lima waktu mengikut salah satu dari cara-cara berikut:

### i) Mengqasarkan sembahyang fardu tanpa jamak

iaitu menunaikan sembahyang fardu yang empat rakaat menjadi dua rakaat.

### ii) Menjamakkan dua sembahyang fardu tanpa qasar

iaitu menghimpunkan antara sembahyang dalam satu waktu (Zohor dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak).

### iii) Menjamak dan menqasarkan dua sembahyang fardu sekaligus

iaitu menghimpunkan antara dua sembahyang serta mengerjakan sembahyang yang empat rakaat menjadi dua rakaat sahaja.

kemudahan tersebut berdasarkan firman Allah SWT:

وَإِذَا ضَرَرْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا  
مِنَ الصَّلَاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يَفْتِنَكُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ الْكَافِرِينَ  
كَانُوا لَكُمْ عَدُوًّا مُبِينًا ﴿١٠١﴾

**Maksudnya:** "Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa 'mengqasarkan' (memendekkan) sembahyang jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir. sesungguhnya orang-orang kafir itu adalah musuh yang amat nyata."

(Surah an-Nisa':101)

Kandungan ayat suci ini menunjukkan bahawa orang-orang musafir dibolehkan mengqasarkan sembahyang sekiranya ia berada dalam keadaan cemas menghadapi ancaman musuh. Walau bagaimanapun orang-orang musafir juga dibolehkan mengqasarkan sembahyang dalam masa aman. Kemudahan ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW seperti berikut :

عن ابن عمر رضي الله عنهما قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم- إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ أَنْ تُؤْتِيَ رُحْصَهُ كَمَا يُكْرِهُ أَنْ تُؤْتِيَ مَعْصِيَتَهُ  
(رواه الامام احمد)

**Maksudnya:** "Dari Umar RA katanya: Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya Allah suka supaya rukhsah-rukhsah yang diberikan-Nya diamalkan, sebagaimana ia tidak suka perkara-perkara maksiat dilakukan."

(Hadith Riwayat Imam Ahmad)

عن انس بن مالك رضي الله عنه يَقُولُ خَرَجْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الْمَدِينَةِ إِلَى مَكَّةَ فَكَانَ يُصَلِّي رُكْعَتَيْنِ حَتَّى رَجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ..... الخ  
(متفق عليه)

**Maksudnya:** "Dari Anas Ibn Malik RA berkata: Kami keluar bersama sama Nabi Muhammad SAW dari Madinah menuju ke Mekah, maka Baginda sembahyang dua rakaat, hinggalah kami pulang semula ke Madinah.."

(Muttafaq 'Alaih)

Orang-orang musafir juga diberi kelonggaran untuk menjamakkan sembahyang Qasarnya dengan 'Jamak Taqdim' atau 'Jamak Ta'khir'. Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

عن انس بن مالك رضي الله عنه قال : كان النبي صلى الله عليه وسلم إِذَا ارْتَحَلَ قَبْلَ أَنْ تَرْتَبِعَ الشَّمْسُ أَخَّرَ الظُّهْرَ إِلَى وَقْتِ الْعَصْرِ ثُمَّ نَزَلَ فَجَمَعَ بَيْنَهُمَا فَإِنْ زَاغَتِ الشَّمْسُ قَبْلَ أَنْ يَرْتَحِلَ صَلَّى الظُّهْرَ ثُمَّ رَكِبَ  
(رواه البخاري ومسلم)

**Maksudnya:** "Dari Anas Ibn Malik RA berkata: biasanya Nabi Muhammad SAW (dalam masa musafir), apabila Baginda berangkat sebelum gelincir matahari, ia menangguhkan sembahyang Zohor hingga waktu Asar, kemudian Baginda turun (dari kenderaan) lalu ia jamakkan kedua-dua (Zohor dan Asar) dengan Jamak Ta'khir. Sekiranya gelincir matahari sebelum Baginda berangkat, ia sembahyang Zohor kemudian terus berangkat".

(Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

Mengikut hadits sahih riwayat al-Hakim dan Abu Naim, diterangkan bahawa Baginda juga menjamakkan sembahyang Zohor dan Asar dengan Jamak Takdim (sesudah gelincir matahari) kemudian Baginda berangkat meneruskan perjalanannya.

Daripada ayat-ayat al-Quran dan hadits-hadith yang disebutkan itu, kita memahami bahawa orang yang keluar musafir dengan meninggalkan rumah tangga dan kampung halaman, diberi kelonggaran atau kemudahan untuk mengerjakan perintah syarak yang tertentu, seperti sembahyang fardu lima waktu dengan beberapa syarat tertentu.

Dari dalil-dalil tersebut para ulama bersepakat mengatakan bahawa seseorang yang bermusafir boleh menqasarkan sembahyang yang empat rakaat (iaitu Zohor, Asar, dan Isyak) kepada dua rakaat sahaja. Sembahyang Maghrib tidak berubah (tiga rakaat) demikian juga sembahyang Subuh tetap (dua rakaat) tidak boleh diqasarkan.

Menurut Imam Syafii RA sembahyang qasar bukanlah satu perkara yang wajib, tetapi satu kemudahan (rukhsah) bagi orang yang bermusafir, dan kemudian yang telah diberikan oleh Allah SWT itu eloklah dilakukan.

Rukhsah ialah satu hukum syarak yang memberi kelonggaran dan kemudahan untuk mengerjakan satu hukum syarak yang berat (Rukhsah) ini hanya diberikan kepada orang yang uzur syari'i seperti musafir, sakit atau sedang menghadapi suatu kesukaran yang tidak dapat dielakkan.

Islam memberikan rukhsah kepada umatnya, adalah semata-mata untuk memberi kemudahan dan keringinan kepada mereka di dalam mengerjakan ibadat kepada Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT :

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

**Maksudnya:** "Allah mengkehendaki kamu beroleh kemudahan dan tidak mengkehendaki kamu menanggung kesukaran"

(Surah al-Baqarah:185)

Dan Firman Allah SWT:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

**Maksudnya:** "Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama."

(Surah al-Hajj': 78)

### SEMBAHYANG QASAR

Menqasarkan sembahyang ertinya memendekkan sembahyang yang empat rakaat (Zohor, Asar, Isyak) menjadi dua rakaat sahaja.

## PENDAPAT ULAMA' MENGENAI QASAR <sup>(1)</sup>

Para Ulama' berselisih pendapat tentang hukum sembahyang qasar:

1. Mengikut pendapat Syafi'iyah (para ulama' dari mazhab Syafi'i, hukum sembahyang qasar bagi musafir yang jarak jauh perjalanannya tidak kurang dua marhalah (56 batu atau 91km) adalah harus. Bahkan sembahyang qasar itu lebih afdal, sekiranya jarak perjalanan lebih dari tiga marhalah.

2. Mengikut pendapat Hanafiah (para ulama' dari mazhab Hanafi) hukum menqasarkan sembahyang yang empat rakaat ialah wajib tetapi wajib di sisi mereka ialah kurang dari fardu (iaitu sama dengan sunat Muakkad). Oleh yang demikian makruh bagi orang yang musafir mengerjakan sembahyang sempurna empat rakaat. Jika dikerjakan juga sembahyang sempurna empat rakaat tanpa meninggalkan duduk tahiyat awal, sembahyangnya tetap sah kerana duduk tahiyat awal bagi sembahyang musafir ialah fardu. Orang yang meninggalkan qasar diharamkan dari mendapat syafaat Nabi Muhammad SAW pada hari Akhirat,

i) *"Kitab al-Fiqh ala al Mazahib al-Arbaah"*

Abdul Rahman al-Jaziri, Jilid 1, mukasurat 471

3. Mengikut pendapat Malikiyah (para ulama' Mazhab Maliki) hukum sembahyang qasar ialah sunat Muaakad. Orang yang tidak mengerjakan sembahyang qasar tidak diharamkan mendapat syafaat Nabi Muhammad SAW pada hari Akhirat.

4. Mengikut pendapat Hanabilah (para ulama' Mazhab al-Imam Ahmad Ibn Hanbal) hukum sembahyang qasar ialah harus, bahkan lebih afdal dari sembahyang sempurna empat rakaat, kecuali mereka yang lazimnya belayar dilautan, maka pada waktu itu tidak harus bagi mereka bersembahyang qasar, sebab mereka dikira bermukim.

Dengan ini para ulama' sekata tentang harus mengerjakan sembahyang qasar, cuma yang berbeza di kalangan mereka ialah mengenai hukumnya sahaja.

## SYARAT-SYARAT SEMBAHYANG QASAR

Seseorang itu tidak dibenarkan mengerjakan sembahyang qasar, kecuali dengan beberapa syarat tertentu. Jika seorang musafir, mempunyai syarat-syarat yang akan disebut nanti, barulah ia diharuskan menqasarkan sembahyang. Di antara syarat-syarat menqasarkan sembahyang ialah:

## 1. Perjalanan itu dengan tujuan yang baik, bukan untuk melakukan maksiat:

Bagi mereka yang pada mulanya perjalanannya bertujuan baik kemudian berubah niatnya kepada perkara-perkara maksiat, maka dalam masalah ini terdapat dua pendapat:

**Pertama:** Dia mendapat kemudahan mengqasarkan sembahyang dan lainnya kerana perjalanannya berlaku dengan tujuan baik.

**Kedua:** Tidak mendapat sebarang kemudahan setelah niatnya berubah begitu juga niat sebaliknya.

Mengenai orang yang melakukan maksiat semasa dalam perjalanan sedangkan perjalanannya itu dilakukan dengan tujuan yang harus, maka ia tetap mendapat kemudahan yang diberi kepada orang yang musafir tanpa khilaf lagi. Ini kerana ia tidak dilarang dari melakukan perjalanan itu, malah yang dilarang hanyalah melakukan maksiat dalam perjalanan itu.

## 2. Jarak Perjalanan :

Mengikut satu pendapat, perjalanan itu mestilah sejauh dua marhalah iaitu lebih kurang (56 batu atau 91 km). sama ada perjalanan didarat, dilaut ataupun di udara. Perjalanan yang kurang dari jarak itu tidak diharuskan mengqasarkan sembahyang. Ini mengikut pendapat kebanyakan ulama' di antaranya:

al-Hassan al-Basri, Imam Malik, Ibn Umar, Ibn Abbas, Abu al-Laith, al-Thauri dan lain-lain.

Mengikut Abu Hanafiah, perjalanan itu hendaklah tidak kurang dari tiga hari. Jika seseorang itu masih lagi ragu-ragu tentang jarak perjalanannya hendaklah ia berjihad, dan kalau dia masih tidak tahu jaraknya maka tidaklah harus ia mendapat sebarang kemudahan.

Apa yang dimaksudkan dengan perjalanan dua marhalah itu, ialah jarak dari rumahnya ke tempat yang ditujuinya. Sekiranya tempat yang ditujui itu mempunyai dua jalan, yang satu jalan pendek (kurang dari 56 batu 91 km) dan yang satu lagi jalan yang panjang (lebih dari 56 batu atau 91 km), lalu diikutnya hala yang jauh tadi semata-mata untuk mendapat kemudahan tersebut, maka dalam masalah ini terdapat dua pendapat:

**Pertama:** Harus baginya mengqasarkan sembahyang dan kemudahan-kemudahan lain kerana syarat jarak perjalanannya cukup dan sempurna.

**Kedua:** Tidak harus mengqasarkan sembahyang atau lainnya, kerana ia sengaja memanjangkan perjalanan untuk tujuan tadi.

Walau bagaimanapun jika ia memilih jalan yang panjang tadi, bukan bertujuan semata-mata untuk mendapat kemudahan, tetapi kerana tujuan lain seperti ia lebih baik daripada jalan yang satu

lagi, maka haruslah baginya mendapat segala kemudahan tadi tanpa sebarang khilaf.

### **3. Menentukan tempat yang dituju :**

Seseorang yang musafir hendaklah berazam (berniat) di permulaan perjalanannya untuk menuju ke tempat yang tertentu. Sekiranya tempat tujuannya tidak ditentukan terlebih dahulu, umpamanya untuk mencari barang hilang dan apabila didapatinya ia terus pulang, maka tidak harus dia mengqasarkan sembahyang sekalipun perjalanannya melebihi dua marhalah.

Begitu juga sekiranya diubah niatnya semasa dalam perjalanannya, maka tidak harus baginya mengqasarkan sembahyang pada tempat itu dan apabila dia meneruskan perjalanannya maka perjalanannya itu dikira bermula dari tempat tersebut.

### **4. Mengetahui tentang hukum harusnya sembahyang qasar :**

Mengetahui tentang harusnya sembahyang qasar adalah penting, bagi mengelakkan dari perbuatan yang sia-sia dalam beribadat. Sebab itu seseorang yang tidak mengetahui tentang harusnya, tetapi ia mengqasarkan juga, maka sembahyang itu adalah batal kerana ia dianggap beramal tanpa ilmu dan bermain-main dengan ibadatnya sendiri.

### **5. Berniat mengerjakan sembahyang qasar semasa takbiratul ihram dan tidak ada sebarang perubahan dalam niatnya:**

Sekiranya niat qasar ini berubah ataupun terjejas disebabkan oleh suatu keraguan, maka mestilah disempurnakan sembahyang (empat rakaat). Walau bagaimanapun niat tersebut boleh (disyaratkan), umpamanya seorang yang sembahyang berjemaah dibelakang imam yang tidak diketahui niatnya, lalu dita'likan (digantungkan). Sekiranya imam sembahyang qasar, maka dia juga akan mengqasarkan sembahyangnya, dan jika imamnya sembahyang sempurna empat rakaat, ia juga akan menyempurnakan sembahyang empat rakaat.

### **6. Tidak berimamkan kepada Imam yang sembahyang tamam (genap rakaat) sekalipun imam itu seorang musafir:**

Seorang yang mengikuti imamnya yang sembahyang genap maka hendaklah dikenakan sembahyangnya. Demikian juga kalau tidak diketahui akan hakikat sembahyang imamnya sehingga akhir, umpamanya dia tidak pasti rakaat imam semasa datangnya, adakah rakaat yang pertama atau yang ketiga. Dalam masalah ini, hendaklah disempurnakan sembahyangnya (4 rakaat).

Sunat bagi orang musafir yang mengimamkan orang yang bermukim (sebelum Takbiratul Ihram) memberitahu mereka, apabila selesai salamnya

supaya menyempurnakan sembahyang masing-masing kerana ia adalah orang musafir.

**7. Memelihara daripada sebarang perkara yang berlawanan dengan niat qasar sembahyang :**

Sekiranya ia syak sama ada telah berniat atau tidak, maka dengan itu ia tidak boleh mengqasarkan sembahyang dan wajib mengerjakan sembahyang yang sempurna. (4 rakaat)

**8. Masa musafir masih berbekalan ketika ia mengerjakan sembahyang qasar.**

**TEMPAT BERMULA DAN BERAKHIRNYA PERJALANAN.**

Kemudahan mengqasarkan sembahyang diberikan kepada seseorang musafir setelah ia keluar dari tempat tinggalnya. Sekiranya tempat itu merupakan sebuah kampung, maka perjalanannya dikira setelah ia keluar dari kawasan perkampungan tersebut. Umpamanya jika perkampungan tersebut disempadani oleh pagar atau kota tersebut.

Setelah ia keluar dari kawasan perkampungannya tadi, maka ia dikira sebagai seorang musafir dan dibolehkan mengqasarkan sembahyang atau mengerjakan rukhsah yang lain. Seseorang musafir tidak boleh mengerjakan sembahyang qasar atau jama' sebelum keluar dari kawasan perkampungan.

Hukum mengerjakan sembahyang qasar ini diharuskan selama mana seorang itu masih dikira sebagai seorang musafir.

Seseorang itu dikira sebagai musafir dan boleh mengqasarkan sembahyang dalam keadaan-keadaan berikut :

1. Sebaik sahaja ia keluar dari kawasan perkampungannya untuk pergi ke suatu tempat yang jaraknya tidak kurang dari dua marhalah (lebih kurang 56 batu atau 91 km)
2. Sepanjang perjalanan ke tempat yang ditujuinya.
3. Apabila sampai di tempat yang ditujuinya ia dibenarkan mengqasarkan sembahyang dalam keadaan seperti berikut :

a) Selama tidak lebih dari tiga hari penuh (tidak termasuk hari masuk dan keluar) jika ia berniat hendak bermukim di situ selama tidak lebih dari masa tersebut.

b) Menurut Imam Syafi'i RA orang musafir yang tidak dapat menetapkan dengan pasti hari untuk menyelesaikan urusannya yang mustahak itu, kerana terlalu rumit atau banyak, dibolehkan mengerjakan sembahyang qasar sehingga 18 hari dan selepas itu hendaklah ia mengerjakan sembahyang dengan "tamam" (cukup rakaat yang maklum) seperti biasa.

c) Sebaliknya kalau ia berniat hendak bermukim (tinggal menetap) di suatu tempat selama empat hari (selain daripada hari masuk dan hari keluar), maka selepas itu ia tidak dikira sebagai orang musafir dan tidak dibolehkan mengqasarkan sembahyang.

### **Perjalanannya akan dikira berakhir melalui tiga cara:**

1. Kembali ke tanah airnya atau kampung halaman tempat bermukimnya.
2. Niat bermukim (tinggal menetap)
3. Dengan berhentinya seseorang itu pada suatu tempat lebih dari tiga hari.

Apabila seseorang musafir berniat hendak bermukim (tinggal menetap) selama empat hari selain dari hari sampai dan berangkat nescaya ia menjadi orang yang bermukim serta terputuslah perjalanan dan hilanglah kemudahan untuk mengerjakan sembahyang qasar dan jamak.

### **CARA-CARA MENGERJAKAN SEMBAHYANG QASAR**

Cara melakukan sembahyang Qasar ialah mengerjakan dua rakaat mana-mana sembahyang yang empat rakaat (Zohor, Asar, dan Isyak) dengan berniat Qasar semasa Takbiratul Ihram.

Contoh lafaz niatnya:

أَصَلِّيَ فَرَضَ الظُّهْرِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

**Maknanya:** "Sahaja aku sembahyang fardu Zohor dua rakaat qasar tunai kerana Allah Taala".

### **SEMBAHYANG JAMAK**

Selain dari kemudahan (rukhsah) mengqasarkan sembahyang, orang-orang musafir juga diberi kemudahan untuk menjamakkan sembahyang, iaitu menghimpunkan di antara sembahyang Zohor dengan Asar atau Maghrib dengan Isyak pada waktu salah satu daripada keduanya.

Sembahyang jamak terbahagi kepada dua bahagian:

#### **1. JAMAK TAQDIM**

Iaitu menghimpunkan sembahyang Zohor dan Asar dalam waktu Zohor dan sembahyang Maghrib dan Isyak dalam waktu Maghrib.

Zohor + Asar = Waktu Zohor

Maghrib + Isyak = Waktu Maghrib

#### **SYARAT-SYARAT JAMAK TAQDIM**

Seseorang itu tidak boleh mengerjakan sembahyang jamak taqdim melainkan dengan tiga syarat:

**1. Niat jamak dalam sembahyang yang pertama** dan tidak boleh dita'khirkan sesudahnya. Sebaik-baiknya hendaklah diniatkan semasa Takbiratul Ihram sembahyang yang pertama.

Contoh: Lafaz niat sembahyang Jamak Taqdim dan Qasar, dengan menghimpunkan sembahyang Asar kepada Zohor dalam waktu Zohor.

أُصَلِّيَ فَرَضَ الظُّهْرِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا مَحْمُومًا إِلَيْهِ الْعَصْرِ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

**Maksudnya:** "Sahaja aku sembahyang fardu Zohor dua rakaat qasar dijamakkan dengan Asar tunai kerana Allah Taala."

Contoh : Lafaz niat sembahyang Jamak Taqdim dan Qasar dengan menghimpunkan sembahyang Isyak kepada Maghrib dalam waktu Maghrib:

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ مَحْمُومًا إِلَيْهِ الْعِشَاءُ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

**Maksudnya:** "Sahaja aku sembahyang fardu Maghrib tiga rakaat dijamakkan dengan Isyak tunai kerana Allah Taala"

**2. Diterbitkan** iaitu didahulukan sembahyang yang pertama daripada sembahyang kedua, umpamanya dikerjakan sembahyang Zohor sebelum Asar atau Maghrib sebelum Isyak dan tidak harus dikerjakan sebaliknya, kerana waktu itu bukan haknya. Sekiranya sembahyang yang pertama batal, maka sembahyang yang kedua.

juga turut batal, dan hendaklah diulangi keduanya sekali.

**3. Berturut-turut** iaitu setelah dikerjakan sembahyang yang pertama hendaklah terus dikerjakan sembahyang yang kedua. Walau bagaimanapun dibenarkan perpisahan yang sedikit disebabkan oleh urusan-urusan yang berhubung dengan sembahyang itu sendiri, seperti qamat, berwuduk, tayamum dan sebagainya. Apabila sembahyang Jamak Taqdim selesai dikerjakan, maka tidak payah diulangi sembahyang yang kedua sekalipun waktunya masih ada semasa ia tiba kembali ke tempatnya kerana sembahyang tersebut telah dikerjakan.

### CARA MENERJAKAN SEMBAHYANG JAMAK TAQDIM

Sembahyang Jamak Taqdim hendaklah dikerjakan dengan tertib serta berturut-turut di antara dua sembahyang, misalnya untuk mengerjakan sembahyang Zohor dan Asar, hendaklah lebih dahulu mengerjakan sembahyang Zohor sampai selesai, kemudian setelah selesai memberi salam, terus berdiri lagi untuk mengerjakan sembahyang Asar. Begitu juga sembahyang Maghrib dan Isyak hendaklah terlebih dahulu mengerjakan sembahyang Maghrib, kemudian selepas salam, terus berdiri lagi untuk mengerjakan sembahyang Isyak. Ketika hendak memulakan sembahyang yang kedua disunatkan iqamah.

## JAMAK TAK'HIR

Dalam waktu Asar dan sembahyang Maghrib dan Isyak dalam waktu Isyak.

Zohor + Asar = Waktu Asar

Maghrib + Isyak = Waktu Isyak

## SYARAT-SYARAT JAMAK TA'KHIR

Sebelum mengerjakan Jamak Ta'khir seseorang itu dikehendaki memenuhi dua syarat iaitu:

1. Berniat Jamak dalam waktu sembahyang yang pertama umpamanya semasa hendak mengerjakan sembahyang Zohor bersama-sama sembahyang Asar dengan Jamak Ta'khir hendaklah ia berniat akan menjamakkan Zohor pada Waktu Asar nanti, iaitu pada kadar masa yang mencukupi untuk mengerjakan sembahyang Zohor. Sekiranya ia berniat semasa waktu Zohor hampir luput sehingga tidak mencukupi bagi sembahyang Zohor, maka ia dikira berdosa dan sembahyang Zohornya itu hendaklah diqadakan.

Contoh: Lafaz niat sembahyang Jamak Ta'khir dan Qasar, dengan menghimpunkan sembahyang Zohor kepada Asar dalam waktu Asar:

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعَصْرِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الظُّهْرِ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

**Maknanya:** "Sahaja aku sembahyang fardu Asar dua rakaat qasar dijamakkan kepada Zohor tunai kerana Allah Taala".

Contoh : Lafaz niat sembahyang Jamak Ta'khir dan Qasar dengan menghimpunkan sembahyang Maghrib kepada Isyak dalam waktu Isyak:

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعِشَاءِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الْمَغْرِبِ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

**Maknanya:** "Sahaja aku sembahyang fardu Isyak dua rakaat qasar dijamakkan kepada Maghrib tunai kerana Allah Taala"

2. Berkecualan masa musafirnya sehingga selesai sembahyang yang kedua. Di dalam Jamak Ta'khir tidak disyaratkan berturut turut dan tidak pula wajib tertib sebagaimana yang disyaratkan dalam Jamak Taqdim, akan tetapi disunatkan saja. Jadi dalam melakukan Jamak Ta'khir ini, boleh dikerjakan sembahyang yang hadir (sembahyang yang empunya waktu) terlebih dahulu, kemudian mengerjakan pula sembahyang yang dijamakkan atau mengerjakan sembahyang yang dijamakkan terlebih dahulu, kemudian sembahyang yang hadir.

## Amalan Rasulullah SAW

Sembahyang jamak (sama ada taqdim atau ta'khir) boleh dikerjakan secara qasar berdasarkan hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

عن ابن عمر رضي الله عنهما قال جَمَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ بِجَمْعٍ صَلَّى الْمَغْرِبَ ثَلَاثًا وَالْعِشَاءَ رَكْعَتَيْنِ بِأَقَامَةٍ وَاحِدَةٍ

(رواه ابو داود والترمذی)

**Maksudnya:** "Dari Ibn Umar RA berkata, Rasulullah SAW pernah menjamakkan antara sembahyang Maghrib dan Isyak dengan Jamak, di mana ia mengerjakan sembahyang Maghrib tiga rakaat dan Isyak dua rakaat dengan sekali qamat saja".

(Hadith riwayat Abu Daud dan Tarmizi)

## CARA-CARA MENGERJAKAN SEMBAHYANG JAMAK TA'KHIR

Cara mengerjakan Jamak Ta'khir tidak berbeza dengan Jamak Taqdim kecuali waktunya sahaja, dimana Jamak Taqdim dikerjakan pada waktu Zohor atau Maghrib, sedangkan Jamak Ta'khir pula dikerjakan pada waktu Asar atau Isyak. Di dalam jamak taqdim diwajibkan tertib iaitu mendahulukan Zohor daripada Asar dan mendahulukan Maghrib daripada Isyak, tetapi di dalam Jamak Ta'khir tertib tidak disyaratkan. Ini bererti di dalam Jamak Ta'khir boleh mendahulukan mana-mana sembahyang. Walau bagaimanapun mendahulukan sembahyang yang empunya waktu itu disunatkan.

Cara mengerjakan sembahyang jamak dan qasar sekaligus tidaklah berbeza sepertimana mengerjakan sembahyang jamak, kecuali perbezaan pada rakaatnya sahaja. Iaitu sembahyang yang empat rakaat (Zohor, Asar dan Isyak) dikerjakan dua rakaat.

## PANDUAN DOA UNTUK ORANG MUSAFIR

Orang-orang yang hendak bermusafir adalah sangat-sangat digalakkan untuk membaca doa-doa yang sunat seperti berikut:

i) Semasa melangkah keluar rumah:

بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ لَأَحْوَلُ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

**Bermaksud:** "Dengan nama Allah (aku melangkah keluar) aku berserah bulat-bulat kepada Allah; (Sebenarnya aku tiada daya dan tiada kekuatan untuk mengelakkan diri dari segala bahaya dan dugaannya melainkan dengan pertolongan Allah."

ii) Semasa menaiki kenderaan :

سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرْنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ

**Bermaksud:** "Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya, dan sesungguhnya kepada Tuhan kamilah, kami akan kembali".

iii) Tambahan doa-doa yang sesuai kepada doa-doa diatas:

اَللّٰهُمَّ اِنِّىْ اَسْأَلُكَ فِى سَفَرِنَا هٰذَا الْبِرَّ وَالتَّقْوٰى وَمِنْ  
الْعَمَلِ الصّٰلِحِ مَا تَرْضٰى

**Bermaksud:** "Ya Allah, Ya Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepada Mu kebaikan dan taqwa dalam pelayaran kami ini, dan amal yang soleh yang Engkau redai".

iv)

اَللّٰهُمَّ هَوِّنْ عَلَيْنَا سَفَرَنَا هٰذَا وَاَطْوِ عَنَّا بَعْدَهُ

**Maksudnya:** "Ya Allah, Ya Tuhan kami, mudahkanlah pelayaran kami ini, dan dekatlah jarak jauhnya (supaya kami segera sampai ke tempat yang dituju)".

v)

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ الصّٰحِبُ فِى السَّفَرِ وَالْخَلِيفَةُ فِى الْاَهْلِ

**Bermaksud:** "Ya Allah, Ya Tuhan kami, Engkaulah rakan dalam pelayaran dan wakil pengganti yang menjaga keluarga kami (yang tinggal)".

vi)

اَللّٰهُمَّ اِنِّىْ اَعُوْذُ بِكَ مِنْ وَعْشَاءِ السَّفَرِ وَكَآبَةِ الْمُنْظَرِ  
وَسَوْءِ الْمُنْقَلَبِ

**Bermaksud:** "Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada kesukaran-kesukaran (yang lazim berlaku) dalam pelayaran, dan (daripada keadaan yang menyebabkan aku berupa duka dan muram, juga (daripada sebarang peristiwa buruk) sekembalinya aku yang menimpa keatas harta benda, keluarga dan anak pinak.

#### ADAB PERATURAN SEBELUM KELUAR MUSAFIR

Apabila seseorang itu berazam untuk memulakan perjalanan jauh, maka hendaklah terlebih dahulu ia melakukan perkara-perkara berikut:

1. Berwasiat mengenai perkara yang memerlukan wasiat dan hendaklah ada saksi.
2. Berfaubat kepada Allah SWT segala dosa dan mohon keselamatan daripadaNya dalam masa perjalanan.
3. Menyelesaikan segala hutang piutang yang masih belum selesai jika berkemampuan menyelesaikan pada masa tersebut .
4. Memohon kemaafan daripada kedua ibu bapa dan keluarga di atas segala kesilapan dan kesalahan.

## PENUTUP

Sebagaimana yang kita maklum, rukhsah adalah salah satu daripada ciri-ciri (keistimewaan) dalam agama Islam, dan Islam tidak memberatkan penganut-penganutnya dalam menjalankan kewajipan dan tanggungjawab. Begitu juga dalam setiap perintah (sama ada berupa suruhan atau tegahan dalam Islam) tidak memberatkan dan tidak bertentangan dengan tabiat semulajadi manusia. Dalam pada itu Islam sentiasa menggalakkan umatnya supaya berusaha mencari rezeki dan lain-lain keperluan hidup disamping tidak lupa terhadap tanggungjawab utamanya sebagai seorang hamba Allah SWT iaitu mengerjakan ibadat kepada Allah SWT.

Berdasarkan keadaan inilah, Allah SWT memberikan kelonggaran serta kemudahan kepada manusia dalam mengerjakan ibadat sembahyang lima waktu, iaitu kemudahan menqasarkan dan menjamakkan sembahyang. Oleh yang demikian eloklah kita menerima serta mengerjakan kemudahan tersebut sebagai tanda syukur kepada Allah SWT, dan demi untuk kemudahan kita dalam menjalankan amal ibadat seharian.

## CATATAN





جائتكم بكم أجواز الإسلام مليسيا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

**PERCUMA**

ISBN 978-983-042-238-1



9 789830 422381

[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

Dicetak daripada e-SiRAJ JAKIM  
28-09-26 07:09:50